

**PKR, Pas Dan DAP Fail 25 Petisyen Kerusi Parlimen, 10 Kerusi DUN  
Bernama  
10 June, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat (PKR), PAS dan DAP akan memfailkan mulai Isnin hingga Rabu, 25 petisyen kerusi Parlimen dan 10 petisyen kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipertandingkan pada pilihan raya umum ke-13 bulan lepas.

Pengarah Strategik PKR, Rafizi Ramli berkata selain PKR yang memfailkan 19 petisyen kerusi Parlimen dan 1 petisyen kerusi DUN, PAS memfailkan empat petisyen Parlimen dan 9 petisyen DUN manakala DAP dua petisyen Parlimen.

Beliau berkata petisyen itu akan difailkan di Mahkamah Tinggi mengikut kawasan parlimen dan DUN masing-masing.

Tiga minggu kemudian, parti-parti pembangkang itu akan memfailkan saman pula terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), katanya pada sidang berita di ibu pejabat PKR di sini, hari ini.

"Saman akan difailkan terhadap Pengerusi, Timbalannya dan ahli-ahli SPR di atas kegagalan melaksanakan dakwat kekal.

"Selain itu, PKR juga akan menuntut pindaan terhadap Seksyen 9A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Pindaan 2002) dicabar di mahkamah," katanya.

Pindaan itu menetapkan daftar pemilih yang telah digazetkan tidak boleh dibawa ke mahkamah oleh mana--mana pihak.

Sementara itu, PAS Johor hari ini memfailkan petisyen pilihan raya di Mahkamah Tinggi di Johor Baharu untuk mengisytiharkan sebagai tidak sah dan membatalkan keputusan bagi satu kerusi Parlimen dan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri itu pada pilihan raya berkenaan.

Kerusi parlimen berkenaan ialah bagi kawasan Pulai, dan tiga DUN ialah Gambir, Mahkota serta Nusajaya.

Petisyen difailkan menerusi peguam Mohd Fikah Sanusi dan Mohd Zulkhairi Ab Aziz.

Petisyen tersebut menamakan calon-calon Barisan Nasional yang menang dan Pegawai-pegawai Pengurus Pilihan Raya di Parlimen dan tiga DUN berkenaan serta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai defendan.

"Dokumen yang lengkap sudah diterima pihak pendaftar mahkamah dan kini kita hanya perlu menunggu untuk mendapatkan tarikh pengurusan kes sebelum mendapatkan tarikh bicara," kata Mohd Fikah ketika ditemui.

Turut hadir Pesuruhjaya PAS Johor Datuk Dr Mahfodz Mohamed, Setiausaha PAS Johor Onn Jaafar, Anggota Dewan Undangan Negeri Mengkibol Tan Hong Ping, dan Yang Dipertua PAS Kluang Khairul Faizi Ahmad Kamil.

Pada pilihan raya tersebut, kerusi Parlimen Pulai dimenangi Datuk Nur Jazlan Mohamed

dengan majoriti 3,226 undi menewaskan Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub.

M Asojan memenangi kerusi DUN Gambir dengan majoriti 310 undi menewaskan Mahfodz serta dua calon bebas Mohd Zan Abu dan Yunus Mustakim.

Md Jais Sarday pula memenangi kerusi DUN Mahkota dengan majoriti 1,108 undi menewaskan Khairul Faizi; manakala Dr Zaini Abu Bakar memenangi kerusi DUN Nusajaya menewaskan Salahuddin dengan majoriti 2,201 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955105>